

# BLOG JALAN REKO

Blog ini merupakan hasil kajian mahasiswa Kursus LMCR2273 Apresiasi Teknologi Maklumat

[Home](#)[SEJARAH](#)[KEMUDAHAN AWAM](#)[AKTIVITI](#)[AKTIVITI 2014](#)[LOKASI](#)

## SEJARAH

### SEJARAH

Sejarah asal jalan Reko ini sebenarnya berasal dari nama orang iaitu Mat Salleh. Tetapi kenyataan ini diragui kesahihannya. Kerana menurut History of Selangor 1766-1939 oleh M.Gullick, saya mendapat maklumat bahawa pada akhir abad ke-19 yang lalu, di hujung Jalan Reko, berhampiran dengan stesen komuter Bandar Baru Bangi dan UKM sekarang, terdapat sebuah pekan kecil yang bernama Rekoh. Nama Rekoh ini ada dalam peta daerah Ulu Langat (sekarang Hulu Langat) abad ke-19. Sebuah sungai kecil berhampiran dengan UKM dan berhampiran dengan bekas tapak pekan Rekoh sehingga sekarang masih bernama Sungai Rekoh.

Oleh itu, saya agak yakin bahawa nama Reko itu berasal dari Rekoh, dan nama jalan itu sepatutnya ialah Jalan Rekoh; bukan Jalan Reko.

## WIKIPEDIA

**Jalan Reko** merupakan kawasan pembangunan yang semakin penting di antara bandar [Kajang](#) dengan [Bandar Baru Bangi](#), dalam daerah [Hulu Langat, Selangor](#). Mercu tanda kawasan ini ialah [Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Reko](#). Sebelum ini kawasan ini dikenali dengan Ladang West Country. Tetapi kini ladang [kelapa sawit](#) ini telah dibangunkan dengan kawasan perumahan seperti Taman Tenaga, Kajang dan [Bandar Baru Bangi](#) Seksyen 5.

Jalan Reko sangat berhampiran dengan [Sungai Langat](#) yang banyak [bijih timah](#) satu ketika dahulu. Bijih timah diangkut dengan sampan menuju ke muara [Sungai Langat](#), berhadapan dengan [Selat Melaka](#).

[UKM](#)

## Blog Archive

▼ 2014 (1)

▼ December (1)

Blog ini dibina bertujuan  
memperkenalkan Jalan Re...

No comments:

Post a Comment

Enter your comment...



Comment as: Syahrul Sazli S ▾

[Sign out](#)

[Publish](#)

[Preview](#)

[Notify me](#)

## Home

Subscribe to: [Posts \(Atom\)](#)

Travel theme. Powered by [Blogger](#).